

# BDB labur RM10j maju taman tema

UM 28 JAN 2002

Oleh  
DALIZA ARIFFIN

**J**ITRA 27 Jan. — Bina Darulaman Bhd. (BDB) akan melabur RM10 juta untuk membangunkan taman tema air termasuk membina air pancut ketiga tertinggi di dunia di Bandar Darulaman dekat sini.

Projek di kawasan seluas 52.4 hektar itu merupakan ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan dikenali sebagai Theme Park.

Pengarah Urusan Kumpulan BDB, Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail berkata, ia akan dijadikan pusat riadah awam untuk rakyat di kawasan utara dan selatan Thailand.

“Projek ini dijangka siap sepenuhnya Mac ini dan pancutan air setinggi 150 meter di tengah tasik akan menjadi tumpuan pengunjung,” katanya kepada *Utusan* di tapak projek Theme Park di sini baru-baru ini.

Ku Abd. Rahman memberitahu syarikat itu akan melabur RM1 juta khusus untuk projek air pancut yang dijangka siap pada pertengahan bulan depan.

Katanya, air pancut itu akan menyaingi air pancut tertinggi yang pertama dan kedua di dunia terletak di Amerika Syarikat dengan ketinggian masing-masing 184 meter dan 163 meter.

Selain itu, beliau mem-

dan selera yang akan menempatkan pelbagai makanan terkenal di utara dan juga sebuah restoran makanan segera.

“Kami juga kini dalam perancangan untuk menambah lagi laluan pejalan kaki sejauh 1.5 kilometer, kemudahan memancing ikan dan padang permainan kanak-kanak,” ujarnya.

Tambah Dr. Ku Abd. Rahman, Theme Park dijangka mampu membangun dengan pesat menjelang lima tahun akan datang ekoran pertumbuhan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Theme Park ini merupakan sumbangan sosial BDB kepada masyarakat, katanya.

beritahu Theme Park juga akan menyediakan kemudahan menaiki 24 buah bot, kayak dan me-